

20 JAN 1996

Annuar - Desa

SEBANYAK 500 DESA WAWASAN SETIAP TAHUN DALAM RMK-7

BANTING, 20 Jan (Bernama) -- Sebanyak 500 buah kampung akan menyertai Gerakan Desa Wawasan setiap tahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, kata Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa.

Katanya, ini akan dilaksanakan melalui jenteranya yang tertumpu kepada anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

"Gerakan ini merupakan arus kedua transformasi pembangunan luar bandar yang menjadi matlamat dan misi kementerian," katanya pada lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di bawah program Pemimpin Di Desa di Kampung Endah dekat sini, hari ini.

Beliau berkata gerakan itu akan menumpukan kepada strategi untuk menggilap potensi kecemerlangan manusia bagi meningkatkan keupayaan dan kemahiran dan membolehkan penduduk kampung bergerak sebagai kuasa perubahan tanpa bimbingan secara ketat daripada kerajaan.

Menurutnya kurikulum bagi gerakan itu sudah siap untuk melatih penduduk mempunyai daya usaha untuk bergerak aktif bagi mengubah desa menjadi kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan dan bukan lagi dilihat sebagai tempat yang mundur.

Annuar berkata sedikit sebanyak perubahan yang telah dan sedang berlaku serta yang dirancang oleh penduduk Kampung Endah merupakan bibit-bibit kepada Desa Wawasan itu.

Katanya, kepekaan dan perhatian berat kerajaan terhadap keperluan penduduk luar bandar dapat dilihat dengan ketara melalui peningkatan peruntukan pembangunan kementerian itu.

Peruntukan itu berjumlah RM3,370 juta dalam Rancangan Malaysia Keempat, meningkat kepada RM4,316 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima dan RM5,075 juta dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Beliau berkata dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, tumpuan diberikan bagi program ekonomi melibatkan pembangunan tanah, industri, pertanian komersil dan pembasmian kemiskinan, manakala bagi program kemanusiaan pula bagi pembangunan kesejahteraan keluarga dan kanak-kanak cemerlang.

Katanya, bagi program fizikal pula, tumpuan ialah bagi usaha melanskapkan desa, penyusunan semula kampung dan penyediaan prasarana yang berkualiti. -- BERNAMA.